

SOALAN NO. 31**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK ZAHIDI BIN
ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2017

SOALAN :

**YB Datuk Zahidi Bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta PERDANA
MENTERI menyatakan:**

(a) adakah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengkaji semula tangga gaji tenaga pakar dalam sektor kesihatan bagi mengelakkan kehilangan khidmat golongan profesional ini dari berhijrah ke negara lain; dan

(b) bilangan tenaga pakar yang telah menamatkan khidmat di hospital Kerajaan namun berkhidmat di hospital swasta dan negara lain.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengkaji dan menambah baik skim perkhidmatan Pakar Perubatan mengikut keperluan dan keadaan semasa. Sebarang kajian kenaikan gaji bagi Pakar Perubatan perlu dilaksanakan bersekali dengan skim perkhidmatan lain. Pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Pada masa kini, tangga gaji yang diterima oleh Pakar Perubatan Kerajaan merupakan yang tertinggi dalam Perkhidmatan Awam berbanding skim perkhidmatan lain. Pada masa yang sama, Pakar Perubatan Kerajaan turut dibayar pelbagai elaun lain termasuk Bayaran Insentif Pakar (BIP) mengikut gred sebagai pengiktirafan di atas kepakaran yang dimilikinya.

Selain daripada itu, Kerajaan telah menambah baik skim perkhidmatan Pakar Perubatan melalui pewujudan lapisan gred tambahan iaitu Gred UD55/UD56 yang menyediakan tangga gaji, Imbuhan Tetap dan elaun lebih baik melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2016.

Berdasarkan maklumat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, bagi tahun 2017 (sehingga 20 Oktober 2017), daripada keseluruhan 128 orang Pakar Perubatan Kerajaan yang meletak jawatan dari Perkhidmatan Awam, seramai 39 orang daripada merkea meletak jawatan untuk berkhidmat di sektor swasta manakala tiada rekod bagi Pakar Perubatan Kerajaan meletak jawatan atas alasan untuk berkhidmat di negara lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27 NOVEMBER 2017
[ISNIN]

DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL
[PERMATANG PAUH]

SOALAN :-

YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PERMATANG PAUH] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sejak penyiasatan RCI berkaitan insiden kebakaran Pondok Pak Ya 1989, berapa kes kebakaran pusat pendidikan agama sejak itu sehingga kini, kematian akibat insiden, nyatakan kenapa insiden kebakaran itu terus berulang dan sejauh mana rekemendasi RCI itu dimanfaatkan untuk penambahbaikan aspek keselamatan pusat-pusat pendidikan agama.

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kebakaran pusat tahfiz dan sekolah pondok adalah sebanyak 123 kes dan melibatkan kematian seramai 25 orang iaitu seorang pada tahun 2010 dan 2013 serta 23 orang pada tahun 2017.

Punca kejadian kebakaran yang kerap berulang adalah disebabkan oleh beberapa faktor, iaitu:

1. Faktor manusia

- 1.1 Tahap kesedaran keselamatan kebakaran yang rendah
- 1.2 Sikap kurang menitikberatkan aspek keselamatan kebakaran oleh penghuni premis
- 1.3 Penggunaan beban api dan punca nyalaan yang tinggi di dalam premis seperti penggunaan lilin/pelita dan ubat nyamuk.

2. Faktor fizikal/kejuruteraan atau struktur bangunan

- 2.1 Pendawaian elektrik yang kurang sempurna
- 2.2 Tidak terdapatnya sistem keselamatan kebakaran dibangunan
- 2.3 Jarak bangunan yang agak rapat
- 2.4 Penggunaan bahan binaan dari jenis mudah terbakar
- 2.5 Bangunan yang tidak mendapat kelulusan jabatan
- 2.6 Tidak terdapat pengasingan risiko dan penggunaan ruang
- 2.7 Kemudahan jalan keluar yang itdak mencukupi

3. Faktor *housekeeping*/persekitaran

- 3.1 Penggunaan peralatan memasak
- 3.2 Susunatur perabot yang tidak teratur
- 3.3 Kemudahan jalan keluar yang terhalang

Berdasarkan rekemendasi RCI, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah melaksanakan penambahbaikan di pusat-pusat tahfiz dan sekolah-sekolah pondok seperti yang berikut :--

- (i) pemeriksaan ke atas pusat tahfiz berdaftar bagi memastikan tahap keselamatan kebakaran dalam keadaan baik. Fokus utama

pemeriksaan adalah merangkumi 3 aspek iaitu (a) laluan keluar yang mencukupi, (b) amaran awal kebakaran samada berfungsi dengan baik dan (c) peralatan menentang kebakaran adalah mencukupi.

- (ii) menggiatkan aktiviti pembelajaran awam seperti ceramah, seminar, demonstrasi keselamatan kebakaran, kawad pengungsian bangunan (*fire drill*) kepada pelajar-pelajar dan tenaga pusat tahfiz;
- (iii) penubuhan Skuad Bomba Tahfiz yang dianggotai oleh tenaga pengajar dan pelajar. Sehingga September 2017, sejumlah 236 pasukan telah ditubuhkan dengan keahlian seramai 3,431 orang; dan
- (iv) mengambil langkah-langkah yang lebih tegas iaitu mengeluarkan Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (MBK) kepada pusat tahfiz yang mempunyai bahaya kebakaran yang serius. Daripada 950 pusat tahfiz yang berdaftar diperiksa sehingga 12 Oktober 2017, sebanyak 600 notis telah dikeluarkan kepada 387 pusat tahfiz.